

ini himst bejca neurisnq nsems ayndelatun
Bmst meried nuquesh mukast usit syncleratu
Ku seneqna pslit sntt sntt syncleratu
Ku seneqna pslit sntt sntt syncleratu

Bengkel "Cataloguing of Non-Book Materials" 6–10hb. Mei, 1985 di Rumah Universiti, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

oleh

Vivien Kong Leng Yam, dengan bantuan Bathmavathi Krishnan*

Satu bengkel "Cataloguing of Non-Book Materials" telah diadakan selama lima hari iaitu dari 6–10hb. Mei, 1985 di Rumah Universiti, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Bengkel ini dianjurkan oleh Persatuan Perpustakaan Malaysia dengan kerjasama Gothe Institute dan German Foundation for International Development (DSE). Dr. Thomas Seeger dari Free University Berlin telah menjalankan bengkel tersebut.

Ini merupakan kali pertama Persatuan Perpustakaan Malaysia menerima bantuan dari seorang pakar dari DSE untuk mengadakan kursus seperti ini. Seramai tiga puluh lapan orang pustakawan yang mewakili beberapa institusi dari seluruh Malaysia (termasuk tiga belas orang dari Sabah dan Sarawak) telah mengambil bahagian.

Tujuan bengkel tersebut adalah untuk mempertinggikan aspek-aspek pengetahuan teori dan praktik pengkatalogan bahan-bahan bukan buku. Bahan-bahan bukan buku termasuk alat pandang dengar seperti pita kaset, video, piring hitam, filem, grafik, 'floppy disc' dan sebagainya.

Perkara-perkara yang dibincang dalam bengkel tersebut termasuk:-

1. Mengenalpasti dan menghuraikan berbagai jenis bahan bukan buku dan mengenali istilah dan definisi bagi bahan-bahan tersebut.
2. Belajar cara-cara mengenalpasti beberapa aspek spesifikasi bahan-bahan tersebut sebelum membuat huraian bibliografik.
3. Belajar bagaimana mengaplikasikan peraturan pengkatalogan AACR2 dan ISBD (NBM) apabila memproses bahan-bahan bukan buku.

Dalam bengkel ini beberapa masalah berkaitan dengan pengkatalogan bahan-bahan bukan buku telah dibincangkan. Memandangkan bahawa sekarang ini bahan-bahan berbentuk bukan buku semakin menjadi penting sebagai salah satu sumber maklumat, bengkel seperti ini memang kena pada tempatnya. Pada keseluruhannya peserta-peserta yang menyertai bengkel ini telah memperolehi pengetahuan yang khusus serta panduan yang berguna tentang bagaimana hendak menubuh dan mengurus koleksi bahan-bahan bukan buku.

*Pegawai-pejawai Perpustakaan, Bahagian Katalog.